

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Rakyat

Kerajaan teliti syor penubuhan Dana Kesihatan Negara

Persiapan hadapi ancaman penyakit masa hadapan, pastikan tiada rakyat tercicir dapat rawatan

Oleh Zanariah Abd Motalib
dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cadangan penubuhan Dana Kesihatan Negara yang masih dalam proses penelitian ialah persiapan menghadapi ancaman kesihatan yang mungkin berlaku pada masa hadapan, termasuk rintangan antimikrob.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata dana berkenaan amat mustahak untuk disediakan secukupnya untuk memastikan tiada rakyat tercicir dalam mendapatkan rawatan

sekiranya dijangkiti sesuatu penyakit berbahaya.

Beliau berkata, rintangan antimikrob yang dijangka menjadi cabaran mendatang dalam kesihatan itu satu keadaan, iaitu ubat-ubatan seperti antibiotik tidak lagi memberi kesan untuk menangani sesuatu jangkitan.

"Bayangkan antibiotik hari ini digunakan secara berkesan, tiba-tiba ia tidak berkesan. Terkait dengan kesihatan kewangan, ia mustahak untuk kesiapsiagaan kewangan bagi mana-mana negara.

"Perlu dibuat persiapan supaya dalam hal liputan kesihatan sejagat ini. Mantera digunakan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk tidak meninggalkan sesiapapun dalam apa jua bencana kesihatan termasuk pandemik, rintangan antimikrob dan sebagainya," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Suhaizan Kaiat (PH-Pulau) yang ingin tahu bagaimana dana kesihatan negara itu dapat membantu negara ini dalam menghadapi ancaman rintangan antimikrob.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, penubuhan Dana Kesihatan Negara akan mengumpul pelbagai sumber pembiayaan yang dirancang termasuk daripada hasil cukai, bukan cukai dan juga dana dikhaskan.

Beliau berkata, sumber pembiayaan yang diperoleh hasil daripada kegiatan penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) seperti pelaksanaan cukai minuman manis bergula dan lain-lain.

Agenda besar KKM

Selain itu, katanya, KKM juga sedang memperinci hala tuju reformasi Sistem Pembiayaan Kesihatan yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

"KKM akan menjalankan usaha berterusan untuk mentransformasikan sistem kesihatan negara khususnya, dalam aspek pembiayaan sistem kesihatan negara.

"Ini kerana Reformasi Pembiayaan Kesihatan antara agenda besar KKM dalam memodenkan sistem kesihatan negara," katanya.

Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) pula bertanya soalan tambahan mengenai strategi kerajaan membendung peningkatan kos perubatan serta lonjakan

inflasi kira-kira 12.6 peratus berbanding 5.6 peratus inflasi global pada tahun lalu serta kajian kesan ciri-ciri perkongsian kos dalam produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (MHIT) yang diwajibkan Bank Negara Malaysia (BNM) bermula 1 September depan.

Dr Dzulkefly berkata, dalam hal pembayaran bersama, ia bidang kuasa BNM perlu mengadakan komunikasi strategik supaya tidak menimbulkan kejut apabila ciri-ciri perkongsian kos dalam produk MHIT dikuatkuasakan, selain bank pusat itu perlu membuat penjelasan pelaksanaan itu nanti tidak membekalkan kesihatan rakyat dan fasiliti kesihatan.

"Berhubung kesan inflasi perubatan itu pula, saya akui ia benar (berlaku) dan saya memohon supaya penyedia perkhidmatan swasta mengambil perhitungan Pay for Outcome yang benar-benar berkesan dapat dicapai dan ia tidak mencetuskan peningkatan inflasi akibat pembayaran kos tidak terkawal," katanya.

Penubuhan Dana Kesihatan Negara akan mengumpul pelbagai sumber pembiayaan yang dirancang termasuk daripada hasil cukai, bukan cukai dan juga dana dikhaskan



Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan



Ahli Dewan Rakyat diminta menjalani pemeriksaan kesihatan selewat-lewatnya pada 11 November depan.

(Foto BERNAMA)

Ahli Parlimen wajib jalani pemeriksaan kesihatan sebelum 11 November

Semua Ahli Dewan Rakyat diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan selewat-lewatnya pada 11 November depan.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, berkata bagi mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang gagal berbuat demikian, nama mereka akan dipaparkan di laman web Parlimen.

"Tanpa pengecualian. Surat

mengenai pemeriksaan kesihatan itu sudah diedarkan kepada Yang Berhormat.

"Pemeriksaan kesihatan ini akan dilaksanakan oleh Klinik Kesihatan Parlimen atau di fasiliti swasta. Pemeriksaan kesihatan ini adalah wajib dijalani oleh semua Yang Berhormat," katanya sebelum sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Datuk Seri Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) kemudian mencelah mencadangkan supaya Ahli Dewan Rakyat yang gagal menghantar laporan pemeriksaan kesihatan tidak dibenarkan bertanding pada pilihan raya.

"Ya, insya-Allah. Saya akan pastikan itu, dimaklumkan pada Presiden parti," kata Johari.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LOKAL

CEROBOH BILIK BEDAH AMBIL UBAT BIUS

Bekas perunding kesihatan didenda RM3.5k

Ampang: Bekas perunding kesihatan sebuah hospital swasta didenda RM3,500 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam, kerana menceroboh bilik bedah Hospital Ampang untuk mengambil ubat bius bagi kegunaan diri sendiri, minggu lalu.

Tertuduh lelaki berusia 33 tahun itu mengaku bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Majistret Normaizan Rahim.

Normaizan turut memerintahkan lelaki itu dipenjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, lelaki yang masih bujang itu didakwa menceroboh masuk ke dalam bilik bedah Hospital Ampang, di sini, pada 3.05 pagi, 9 Julai lalu.

Oleh itu dia didakwa me-

ngikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut seksyen sama.

Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan penjara maksimum tiga tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya.

Terdahulu peguam Ungku Ikram Athari yang mewakili tertuduh memohon mahkamah mengenakan hukuman minimum iaitu denda dengan alasan anak guamnya mengalami penyakit kemurungan, skizofrenia dan gangguan kepribadian ganda (*multiple personality disorder*).

"Pengakuan salah tertuduh menjimatkan masa mahkamah. Selepas kejadian ini, tertuduh kehilangan kerja namun pada masa perlu menanggung

adik-beradik.

"Tertuduh juga mengalami kemurungan sejak 2019 dan kini sedang mendapat rawatan di Hospital Kuala Lumpur.

"Justeru jika dibenarkan, pihak pembelaan mohon satu bon berkelakuan baik dan denda minimum diberikan kepada tertuduh," kata peguam itu.

Rayuan lanjut turut menyatakan, ubat-ubatan yang diambil tertuduh ketika kejadian sudah dipulangkan.

Bagaimanapun Timbalan Pendakwa Raya Peh Fong Xi yang mendengar rayuan itu membantah sekiranya mahkamah memberikan bon berkelakuan baik kerana perbuatan itu terancang kerana mengenakan 'scrub' pembedahan untuk memasuki bilik bedah itu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : DEWAN RAKYAT

PERKONGSIAN KOS MHIT

Menteri minta penjelasan BNM

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf
Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmc-
tro.com.my

Kuala Lumpur

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad meminta Bank Negara Malaysia (BNM) membuat penjelasan mengenai pelaksanaan perkongsian kos atau pembayaran bersama untuk produk insurans dan takaful perubatan serta kesihatan (MHIT) mulai 1 September ini.

Beliau berkata, adalah mustahak BNM memberikan penjelasan agar perkara itu tidak menimbulkan kejutannya kepada orang ramai dan menyebabkan mereka tidak lagi melanggan insurans.

Ini kerana katanya, beliau khuatir terhadap kesannya yang menyebabkan semua orang berpusu-pusu beratur di fasiliti kesihatan awam.

"Saya minta BNM membuat satu penjelasan dan pencerahan yang baik."

"Kami sentiasa mahu memberikan sokongan andai ia tidak membebankan rakyat dan fasiliti kesihatan kerana jika ramai tidak berinsurans, maka mereka akan beratur di fasiliti kesihatan," katanya sewaktu



DR Dzulkefly pada sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) mengenai kajian impak dijalankan terhadap pelaksanaan MHIT terhadap syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO) mulai 1 September 2024.

Alias turut meminta penjelasan mengenai peningkatan inflasi kos perubatan negara sebanyak

12.6 peratus berbanding 5.6 peratus pada tahun lalu.

Pada 1 Julai lalu, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dalam sesi Kamar Khas di Dewan Rakyat dilaporkan berkata, BNM mewajibkan ITO yang menawarkan produk MHIT baharu untuk memperkecilkan ciri-ciri perkongsian kos dalam produk MHIT.

Ia antara langkah bagi menangani kenaikan premium insurans atau sumbangan takaful bagi produk

MHIT secara mendadak.

Tindakan itu juga, kata Hui Ying, dapat mengurangkan tuntutan palsu dan seterusnya dapat merendahkan kos secara keseluruhan serta meningkatkan kemampunan jangka panjang produk MHIT.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly turut mengakui harga ubat-ubatan tinggi di negara ini dan meminta Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) mengambil kira mengenai perkara itu.

Menurutnya, sebagai Menteri, pihaknya mahukan penjagaan kesihatan berasaskan nilai kepada orang ramai.

Beliau turut mahukan satu kerjasama dan libat urus dijalankan antara Kementerian dan APMH mengenai peningkatan inflasi kos perubatan negara ini.

"Saya yakin dan percaya selepas kita adakan kerjasama dan libat urus dengan APMH, mereka memahami konsep kesihatan berasaskan nilai yang saya mahukan."

"Akhirnya nanti selepas kita adakan kolaborasi awam dan swasta, kita juga memandang fasiliti kepada mereka untuk kita dapatkan apapun yang tidak mampu bekalkan kepada rakyat mengikut kemampuan kami sendiri," katanya

"Kami sentiasa mahu memberikan sokongan andai ia tidak membebankan rakyat dan fasiliti kesihatan kerana jika ramai tidak berinsurans, maka mereka akan beratur di fasiliti kesihatan"

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Kerajaan pertimbang penubuhan Dana Kesihatan Negara



GAMBAR fail pemeriksaan kesihatan yang diadakan secara berterusan di daerah Klang, Selangor.

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mempertimbangkan penubuhan Dana Kesihatan Negara bagi memastikan pengagihan dana kesihatan yang telus di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, dana itu akan diuruskan secara efisien dan berintegriti.

"KKM percaya dengan pengagihan dana kesihatan yang telus dapat meningkatkan keyakinan dan sokongan untuk menambah pembiayaan kesihatan.

"Sebagai langkah ke arah itu, penubuhan satu Dana Kesihatan Negara sedang dipertimbangkan untuk mengumpul pelbagai sum-

ber pembiayaan yang dirancang.

"Ini termasuk daripada hasil cukai, bukan cukai dan juga dana yang dikhaskan daripada kegiatan-kegiatan penguatkuasaan KKM seperti cukai dan lain lain," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Suhaizan Kaiat (**PH-Pulau**) berhubung rancangan KKM untuk mewujudkan Dana Kesihatan Negara bagi memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat.

Dalam pada itu, Dzulkefly berkata, KKM juga sedar tentang kekangan makroekonomi semasa, pentadbiran dan politik ne-

gara akan mempengaruhi transformasi kesihatan.

Justeru, katanya, KKM sedang meneliti dan memperincikan hala tuju reformasi Sistem Pembiayaan Kesihatan yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Hala tuju ini akan mengambil kira cabaran dan realiti yang dihadapi, serta memanfaatkan amalan dan pengalaman terbaik kesihatan global," katanya.

Menjawab soalan tambahan Suhaizan mengenai ancaman Antimicrobial Resistance, beliau berkata, Dana Kesihatan Negara akan membantu Malaysia sekiranya berhadapan dengan malapetaka tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

MP wajib periksa kesihatan sebelum 11 Nov

Nama dipapar di laman
web Parlimen jika gagal
periksa kesihatan

Oleh SITI NOOR FAEZAH MUDA
SHAH ALAM

Semua ahli Parlimen diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan selawat-lewatnya pada 11 November 2024.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul berkata, manamana ahli Dewan Rakyat gagal

berbuat demikian, nama mereka akan dipaparkan di laman web Parlimen.

"Tanpa pengecualian. Surat mengenai pemeriksaan kesihatan itu sudah diedarkan kepada Yang Berhormat.

"Pemeriksaan kesihatan ini akan dilaksanakan oleh Klinik Kesihatan Parlimen atau di fasiliti swasta.

"Maklumat lanjut mengenai pemeriksaan ini terkandung dalam surat tersebut. Pemeriksaan kesihatan ini adalah wajib dijalankan oleh semua Yang Berhormat dan tanikh akhir menjalaninya pada Isnin, 11 November 2024," katanya di



JOHARI

Dewan Rakyat pada Rabu.

Johari memaklumkan pada tahun lalu, pemeriksaan kesihatan sama dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sangat membantu dalam mengesan tahap kesihatan ahli Parlimen serta membolehkan langkah pencegahan segera diambil.

Tambah beliau, sebarang pertanyaan mengenai pemeriksaan kesihatan berkenaan boleh diajukan kepada Ketua Klinik Kesihatan Parlimen Malaysia, Datuk Dr Murugesu Raju.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : SIDANG DEWAN RAKYAT

Swasta diingatkan kawal kos perubatan 'melampau'

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) mengingatkan pemain industri perubatan swasta agar tidak menjadi pencetus kepada peningkatan inflasi berikutan kos pembayaran prosiding yang terlalu mahal.

Mengakui harga ubat-ubatan yang tinggi ketika ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, satu libat urus perlu diadakan antara KKM dan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) bagi memberi penerangan mengenai perkara ini.

"Mengenai harga ubat-ubatan yang memberi kesan inflasi yang dikatakan tinggi, ya, saya akui. Jadi, saya memohon supaya sebagai pemilik dan pemain industri perubatan swasta, ambil perhitungan ini.

"Saya sebagai menteri mahu *value base health care*, bukan *pay for service* supaya keberkesannya benar-benar dapat kita capai dan bukan jadi pencetus kepada inflasi kerana kos pembayaran prosiding yang tidak terkawal kalau berpandukan insurans, agak bebas pada ketika ini.

"Saya yakin dan percaya akan ada kerjasama libat urus dengan APHM, saya faham mereka akan tahu tentang *value base healthcare* yang saya mahukan. Jadi, bila adakan kolaborasi awam dan swasta, kita juga pandang kepada fasiliti mereka mengenai apa yang



DZULKEFLY AHMAD

kita mampu bekalkan kepada rakyat," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Datuk Alias Razak (PN-Kuala Nerus) dalam soalan tambahan meminta kementerian menjelaskan mengenai peningkatan inflasi kos perubatan negara sebanyak 12.6 peratus berbanding 5.6 peratus pada tahun lalu.

Dalam pada itu, Dzulkefly berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) perlu membuat penjelasan mengenai pelaksanaan perkongsian kos atau pembayaran bersama untuk produk insurans dan takaful perubatan serta kesihatan (MHIT) mulai 1 September ini.

Menurutnya, ia penting agar perkara itu tidak menimbulkan kejutan kepada orang ramai

hingga tidak lagi mahu melanggan insurans.

Ini kerana beliau khuatir terhadap kesannya yang menyebabkan semua orang berpusu-pusu beratur di fasiliti kesihatan awam.

"Saya minta BNM membuat satu penjelasan dan pencerahan yang baik.

"Kami sentiasa mahu memberikan sokongan andai ia tidak membebankan rakyat dan fasiliti kesihatan kerana jika ramai tidak berinsurans, maka mereka akan beratur di fasiliti kesihatan," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Alias mengenai kajian impak dijalankan berhubung pelaksanaan MHIT terhadap syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO) mulai 1 September 2024.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Perunding kesihatan ceroboh Hospital Ampang ambil ubat bius

KUALALUMPUR: Seorang bekas perunding kesihatan didenda RM3,500 oleh Mahkamah Majistret Ampang dekat sini kerana menceroboh bilik bedah Hospital Ampang untuk mengambil bius bagi kegunaan diri sendiri, minggu lalu.

Majistret Normaizan Rahim mengenakan denda itu selepas tertuduh yang berusia 33 tahun mengaku bersalah atas pertuduhan yang dikenakan.

Sekiranya denda gagal dibayar, tertuduh boleh dipenjarakan selama lima bulan dan tertuduh membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang menghidap penyakit depresi itu didakwa telah menceroboh masuk ke dalam bilik bedah Hospital Ampang tanpa kebenaran pada pukul 3.05 pagi pada 9 Julai lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjarakan boleh sampai tiga tahun atau denda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya.

Terdahulu peguam Ungku Ikram Athari yang mewakili tertuduh memohon mahkamah mengenakan denda yang ringan atas alasan anak guamnya mengalami kemurungan, *skizofrenia*

dan gangguan keperibadian ganda (*multiple personality disorder*).

"Pengakuan salah tertuduh telah menjimatkan masa mahkamah. Selepas kejadian ini, tertuduh telah kehilangan kerja namun pada masa perlu menanggung adik beradik.

"Tertuduh juga mengalami penyakit depresi (kemurungan) sejak tahun 2019 dan kini sedang mendapat rawatan di hospital. Justeru sekiranya dibenarkan, pihak pembelaan memohon satu bon berkelakuan baik diberikan kepada tertuduh," kata peguam itu.

Rayuan lanjut turut menyatakan, ubat-ubatan yang telah diambil tertuduh ketika kejadian sudah dipulangkan.

Bagaimanapun Timbalan Pendakwa Raya Peh Fong Xi membantah bon berkelakuan baik kerana kejadian itu dirancang kerana ketika kejadian tertuduh telah bertindak mengenakan baju bilik bedah untuk masuk ke bilik itu.

"Oleh itu pihak pendakwaan memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran terhadap tertuduh selain mengambil kira faktor kepentingan awam.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATIONAL

Plan to set up national health fund

KUALA LUMPUR: The proposed establishment of a national health fund is to prepare the country to face possible health threats, including antimicrobial resistance (AMR), said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the move would ensure that no one would be left out in getting treatment if they are infected with a dangerous disease.

He said AMR is a condition where drugs such as antibiotics are no longer effective in dealing with an infection.

"Imagine antibiotics that are being used today suddenly becoming ineffective. This concerns health financing and it is important that we are financially prepared.

"Preparations are necessary as when it comes to universal health coverage, the mantra used by the World Health Organisation is not to leave anyone behind in any health calamity, including pandemics, AMR and so on," he said during the question-and-answer session in the Dewan Rakyat yesterday.

He was responding to a supplementary question from Suhaizan Kaiat (PH-Pulau), who wanted to know how the national health fund could help the country in facing the AMR threat.

Dzulkefly said the ministry is aware of the current macroeconomic, administrative and political constraints that would affect the country's health transformation, and is fine-tuning the direction of the reform of the Health Financing System.

"The new direction will take into account the challenges and realities facing the country and will optimise the best practices and experiences of global health," he said in response to an original question from Suhaizan. — Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Dewan Rakyat passes Medical Act amendments

KUALA LUMPUR: The amendments to the Medical Act have been passed at the Dewan Rakyat following public debates within the medical fraternity.

This comes as a much needed resolution to the conflict surrounding the parallel pathway training programme as well as the registration of specialists and recognition of their training.

The Health Ministry, which has carried out on the job training for the programme, will now be recognised as a training provider.

Changes in the composition of the Malaysian Medical Council (MMC) members have also been proposed.

Health Minister Datuk Seri Dr

Dzulkefly Ahmad gave his assurances that amendments to the Act would be enforced as soon as possible after it is gazetted.

"I understand the dynamics and flow of the matter.

"Many have argued that it is as if the MMC is taking power from the Malaysian Qualifications Agency (MQA) and that the quality of specialists will be compromised.

"These are irresponsible statements," he said in a response to Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat), who voiced concern over the concentration of power in the MMC to recognise speciality qualifications, training institutions and training programmes.

Dzulkefly also read the aspects that had been agreed upon in a meeting between the Health Ministry and MQA.

"MQA's letter mentioned that the authority to recognise parallel pathway programme graduates from international universities lies with the ministry as agreed on in an MQA council meeting dated March 20, 2018.

"All this while, there has been no contention on this and only those who do not understand the topic will demand for accreditation to be done.

"It is already difficult to provide accreditation for Master's programmes, what more the parallel pathway programme," he said in

his winding-up speech to debates, in response to Datuk Seri Shahidan Kassim (PN-Arau), who repeatedly interjected by saying prospective specialists had to go through the MQA.

Dzulkefly also assured the quality of specialists as graduates from both the Master's programme and parallel pathway would be subjected to a panel of assessors.

On the composition of MMC members, whereby representatives from universities have been reduced, he said this was because 66% of doctors are from the Health Ministry.

He said the diversity in the composition of MMC council members would ensure checks

and balances.

"The defining factor is that the person elected or appointed must not only be an expert in their field but also as a policy maker. They must not only have clinical acumen but also political acumen to solve problems and to enhance healthcare services," he said.

During debates that began on Tuesday evening and ended yesterday, government MPs cited the crucial need to pass the amendments, stressing it was necessary to resolve the shortage of specialists in the country.

Opposition MPs meanwhile called for the Bill to be referred to the Special Select Committee on Health for further review.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

Co-payment clarity needed

Dzulkefly: Bank Negara must explain move to reassure public

BANK Negara must explain the implementation of co-payment requirements for medical and health insurance and takaful (MHIT) products for consumers' reassurance and clarity, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"This policy is under the jurisdiction of Bank Negara. I feel it is important for the central bank to issue a strategic communication, so that (the implementation) does not cause alarm," the Health Minister told the Dewan Rakyat.


"I am asking Bank Negara for a clear explanation. We want to be supportive (of policies) but it must not burden the people and healthcare facilities."

"If people do not have (medical) insurance, they will have to make a beeline for (public) healthcare facilities," he added.

Bank Negara had recently announced that insurance companies must introduce medical and health policies with a co-payment feature option from Sept 1.

It said the policy aims to promote sustainable and affordable MHIT offerings, amid continued increase in medical cost inflation.

The central bank cited that in



Making it clear: Dzulkefly speaking at the Dewan Rakyat. — Bernama

2023, Malaysia recorded medical cost inflation of 12.6%, which is significantly higher than the global average of 5.6%.

"We want value-based healthcare. (It should not be) 'pay for service' but 'pay for outcome' so that the intention of spending the money is achieved," Dzulkefly said in response to a question by Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus), who asked on measures

to curb medical inflation as well as whether an impact study had been made on the co-payment requirement.

On another matter, the minister said a National Health Fund was being considered for better healthcare financing.

The Health Ministry, as the provider of public healthcare services in the country, had received RM41.2bil under Budget 2024 –

about 10.5% of the total Budget.

"As a middle-high-income country, there could be higher allocation."

"But I understand the (government's) fiscal position."

"Even if additional allocation cannot be provided, the ministry will use its resources effectively through innovative and creative approaches to health financing," he said.

The government, he said, believes that public confidence would improve with transparent healthcare allocation.

"As a step in that direction, a National Health Fund that is managed transparently, efficiently and with integrity is being considered to pool funds from various sources including tax revenue, non-tax revenue and funds from the ministry's enforcement activities including from sugar-sweetened beverages tax," he said.

The ministry was aware of the burden of high out-of-pocket spending on healthcare, which stood at 37%, said Dzulkefly, in reply to Suhaizan Kaiat (PH-Pulau) who asked on plans to establish a National Health Financing.